

22 SEP 2003

Bandar raya-Perniagaan

KISAH BERBEZA DUA BANDAR RAYA -- KL & S'PURA

MELBOURNE, 22 Sept (Bernama) -- Lawatan terbaru Presiden Majlis Perniagaan Australia-Malaysia (AMBC) Ted Sharp ke Kuala Lumpur dan Singapura mendapati bahawa suasana perniagaan di kedua-dua bandar raya itu berbeza.

Menulis dalam Buletin AMBC, Sharp, seorang peguam veteran di Perth, berkata suasana di kalangan komuniti perniagaan dan ahli profesional di Singapura adalah "amat sugul" manakala keadaan agak "lebih bersemangat" di kalangan pemimpin perniagaan di Kuala Lumpur.

"Jelas ada beberapa faktor yang meletakkan ekonomi Singapura sekarang pada tahap kekurangan aktiviti.

"Virus Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) merupakan faktor signifikan dalam kemelesetan aktiviti ekonomi di Singapura dan kesannya ke atas syarikat seperti Singapore Airlines," katanya.

Sharp berkata adalah suatu yang melegakan jika diperhatikan pihak berkuasa Singapura tidak mengambil sebarang risiko dalam membuat saringan ke atas penumpang bagi mengesan sebarang tanda virus itu di lapangan terbang.

Katanya peningkatan tahap kawalan keselamatan di bangunan-bangunan di Singapura termasuk pejabat Suruhanjaya Tinggi Australia, "menyebabkan seseorang itu dapat membayangkan keadaan menyedihkan yang dihadapi dunia kini."

"Tetapi di Kuala Lumpur, saya harus nyatakan, mungkin dengan sedikit pandangan yang berat sebelah, saya dapati perbezaan suasana yang begitu signifikan dengan apa yang terdapat di Singapura," kata Sharp.

"Sudah tentu seperti banyak negara lain, terdapat juga pelbagai aspek ekonomi Malaysia yang perlu diberi perhatian dan mendapat tekanan daripada pesaing dari seluruh dunia serta beberapa isu domestik yang khusus.

"Ditambah pula dengan pengunduran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad), saya memikirkan adalah munasabah untuk menjangkakan suasana muram di ibu negara Malaysia itu kerana penduduk secara umum memikirkan apa yang akan berlaku pada masa hadapan.

"Persepsi saya mengenai suasana di Kuala Lumpur, bagaimanapun, adalah sesuatu yang pelbagai iaitu dari sikap optimis yang berhati-hati paling kurangnya kepada sesuatu yang kurang terencat dari segi ekonomi dan politik masa depan di Malaysia.

"Ini adalah petanda baik untuk masa depan negara dan saya mengucapkan selamat sejahtera kepada kawan dan rakan seperjuangan di Malaysia dalam hal ini," katanya.

-- BERNAMA

NDC RV DC RON